



SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 2014/1435 HIJRAH



**Bengkel Sasaran Kerja
Tahunan 2014 di
Hydro Hotel, Pulau
Pinang**



**Perhimpunan
Bulanan Pejabat
Daerah/ Tanah
Sepang**



Pelancaran 5S



Perutusan Pegawai Daerah Sepang

“Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua warga kerja Pejabat Daerah/ Tanah (PDT) Sepang di atas pencapaian Sasaran Kerja Tahunan 2013 yang berjaya dilaksanakan dengan baik. Diharapkan warga kerja PDT Sepang meneruskan kecemerlangan agar kualiti kerja dapat dipertingkatkan. Oleh itu, perkhidmatan yang terbaik kepada orang awam merupakan komitmen yang perlu diterapkan dalam diri setiap warga kerja seiring dengan motto Cekap, Telus Dan Mesra. Sekian terima kasih.”

*Yang Berbahagia Dato' Haris Bin Kasim
Pegawai Daerah /Tanah Sepang*

Isi Kandungan BIL. 1/2014 EDISI JANUARI

Ms

Bengkel Penyediaan Sasaran Kerja Tahunan 2014	3
Majlis Perhimpunan Pejabat Daerah /Tanah Sepang Bagi Bulan Januari 2014	4
Majlis Pelancaran 5S Pejabat Daerah /Tanah Sepang	5
Sambutan Hari Jadi Warga Kerja pada Bulan Januari	6
Majlis Sambutan Hari Jadi Pegawai Daerah /Tanah Sepang	7
Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri	8
Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Daerah	9
Mesyuarat Agong Puspanita Daerah Sepang	10
Info 5S	11

Sidang Redaksi

PENAUNG

Dato' Hj Haris Bin Kasim

Pegawai Daerah /Tanah Sepang

KETUA EDITOR

Siti Noorliza Binti Md. Salleh

SIDANG EDITORIAL

Nurul Ainul Aqma Binti Baharin

FOTOGRAFI

Mohd Rezal Bin Awang

Mohd Zaharil Fitri Bin Sailan



Bengkel Sasaran Kerja Tahunan 2014 di Hydro Hotel, Penang

Pada 16 hingga 18 Januari 2014 yang lalu, Pejabat Daerah/ Tanah Sepang telah mengadakan Lawatan ke Pejabat Daerah /Tanah Seberang Perai Selatan (PDTSPS), Pulau Pinang dan diikuti Bengkel Penyediaan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2014. Lawatan dan bengkel ini disertai oleh 35 orang kakitangan Pengurusan Gred 22 dan ke atas.

Semasa lawatan ke PDTSPS, peserta dan pegawai diberi taklimat mengenai Pembangunan Fizikal dan Masyarakat Daerah Seberang Perai Selatan beserta pelaksanaan 5S di pejabat tersebut oleh kakitangan yang bertugas.

Selepas itu, para peserta bergerak ke Hydro Hotel untuk agenda utama iaitu Pembentangan Cadangan SKT 2014 dari semua unit di Pejabat Daerah /Tanah Sepang. Bengkel ini diadakan selama 2 hari Hydro Hotel, Pulau Pinang bagi penetapan SKT 2014 dan pebentangan pencapaian SKT 203





Perhimpunan Bulanan Pejabat Daerah/ Tanah Sepang

Pada 22 Januari 2014 (Rabu) Majlis Perhimpunan Bulanan Pejabat Daerah/ Tanah Sepang yang dihoskan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan telah diadakan di Bilik Seminar Pejabat Daerah Sepang.

Majlis tersebut telah dimulakan dengan sesi perkongsian informasi dari setiap wakil bahagian.

Bahagian Khidmat Pengurusan diwakili oleh Ketua Pembantu Pegawai Daerah Sepang iaitu Puan Siti Noorliza binti Md. Salleh, Bahagian Pembangunan diwakili oleh Puan Luraashy binti Hassim dan Bahagian Tanah telah diwakili oleh Encik Azri Effendy bin Abu Sujak.



Majlis Pelancaran Program 5S Pejabat Daerah/ Tanah Sepang 2014



Bertempat di Bilik Seminar Pejabat Daerah Sepang telah berlangsung Majlis Pelancaran Program 5S Pejabat Daerah/ Tanah Sepang. Majlis ini telah dilancarkan oleh Tuan Pegawai Daerah Sepang, Dato' Haris bin Kasim pada 22 Januari 2014.

Amalan 5S adalah lima amalan yang dipraktikkan oleh setiap kakitangan. Amalan tersebut adalah 'Sisih', 'Seragam', 'Sapu', 'Susun' dan 'Sentiasa Amal'. Amalan 5S dipraktikkan oleh setiap kakitangan untuk melahirkan persekitaran tempat kerja yang kondusif dan mempercepatkan proses kerja berlaku.

Sambutan Harijadi Bulan Januari

Bagi meraikan kakitangan Pejabat Daerah/ Tanah Sepang yang lahir pada bulan Januari, satu majlis Hari Jadi telah diadakan di Bilik Seminar Pejabat Daerah /Tanah Sepang pada 22 Januari 2014.

Majlis disambut meriah dengan upacara potong kek dan acara penyampaian hadiah oleh Tuan Pegawai Daerah Sepang, Dato' Haris bin Kasim kepada mereka yang diraikan.

Mereka yang diraikan telah diberi hadiah berupa baucar membeli-belah di Pasaraya Giant sebanyak RM100.

Sambutan Hari Lahir Bulan Januari

- 1) Dato' Haris b. Kasim (Pegawai Tadbir Diplomatik Gred M54)
29.01.1963
- 2) Abdul Rahman b. Mohamed (Penghulu)
21.01.1957
- 3) Hamidah binti Limat (Pembantu Tadbir (P/O))
03.01.1964
- 4) Ismaliza binti Salimin (Pembantu Tadbir (P/O) (KUP))
22.01.1978
- 5) Mohd Azmir b. Abd Razak (Penolong Pegawai Tanah)
17.01.1984
- 6) S. Sasugala a/p Sinnasamy (Pekerja Rendah Awam)
19.01.1965
- 7) Mohd Azrin b. Shamil (Pekerja Rendah Awam)
04.01.1984
- 8) Rozamona binti Abuyah (Pekerja Rendah Awam)
23.01.1980

Sambutan Harijadi Pegawai Daerah Sepang



Tuan Pegawai Daerah Dato' Haris bin Kasim telah menyambut hari kelahiran pada 29 Januari 2014.

Sempena kelahiran beliau, Pejabat Daerah/ Tanah Sepang telah mengadakan majlis sambutan Harijadi Tuan Pegawai Daerah Sepang yang ke 51 di Bilik Serbaguna Pejabat Daerah Sepang.

Sambutan ini diserikan dengan acara potong kek dan jamuan yang turut disertai oleh isteri Tuan Pegawai Daerah Sepang dan kakitangan Pejabat daerah/ Tanah Sepang.



Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Selangor 2014 / 1435 Hijrah



Pada 14 Januari yang lalu, Sambutan Maulidur Rasul peringkat Negeri Selangor telah diadakan di Stadium Malawati, Shah Alam.

Antara acara yang diadakan adalah acara perarakan, bacaan Al-Quran serta berselawat beramai-ramai.

Daerah Sepang telah menghantar kontinjen yang dianggotai oleh 47 kakitangan Pejabat Daerah /Tanah Sepang. Kontinjen Sepang diketuai oleh Penolong Pegawai Daerah Sepang, Encik Azri Effendy bin Abu Sujak. Acara berakhir sekitar jam 11.00 pagi.

Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Daerah Sepang 2014 / 1435 Hijrah



Sempena meraikan kelahiran junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W pihak Pejabat Agama Islam Daerah Sepang dengan kerjasama Pejabat Daerah/ Tanah Sepang telah mengadakan Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Daerah Sepang. Sambutan ini telah diadakan pada 29 Januari 2014 dan Pejabat Daerah/ Tanah Sepang telah mengambil bahagian dalam acara perarakan.

Kontinjen dianggotai seramai 30 orang kakitangan Pejabat Daerah/ Sepang yang telah diketuai oleh Encik Azri Effendy bin Abu Sujak. Acara perarakan dimulakan dari Masjid Jamek Sultan Hisamuddin Bandar Baru Salak Tinggi hingga ke Dewan Serbaguna Bandar Baru Salak Tinggi. Kontinjen Pejabat Daerah/ Tanah Sepang yang lengkap berbaju melayu merah dinobatkan sebagai juara dalam acara perarakan.

Selain itu, acara ini turut disertai oleh jabatan-jabatan kerajaan dan sekolah-sekolah di daerah Sepang.



MESYUARAT AGONG PUSPANITA 2014 PERINGKAT DAERAH SEPANG

Pada 8 Januari 2014 bertempat di Bilik Mesyuarat Pegawai Daerah Sepang telah diadakan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Puspanita Daerah Sepang. Seramai 20 orang telah menghadiri mesyuarat ini termasuk Pengerusi dan Timbalan Pengerusi. Mesyuarat ini telah dimulakan dengan ucapan daripada Puan Pengerusi iaitu Datin Hj Padiah binti Safian. Acara seterusnya adalah perlantikan bagi Setiausaha dan Bendahari Puspanita Daerah Sepang bagi sesi 2014/2016.

Mesyuarat telah bersetuju melantik Cik Roseyani bt Md. Yassin sebagai Bendahari yang baru. Manakala Puan Ratna Dewi binti Mohd Hailan telah dilantik sebagai Setiausaha yang baru. Beberapa penambahan biro telah dicadangkan iaitu Biro Ekonomi, Biro Keahlian, Biro Seranta dan Biro Sosial & Kebudayaan. Dalam pada itu, Pengerusi juga memohon semua pengerusi biro merancang beberapa aktiviti tahunan bagi tahun 2014.

Senarai AJK PUSPANITA Daerah Sepang 2014

Pengerusi	Datin Padiah bt Safian
Timbalan Pengerusi	Puan Zuraidah bt Dahari
Setiausaha	Puan Ratna Dewi bt Mohd Hailan
Penolong Setiausaha	Puan Faradila bt Ismail
Bendahari	Cik Roseyani bt Md. Yassin
Penolong Bendahari	Puan Ismaonah bt. Ismail
Ahli Jawatankuasa	Puan Yusmah Indrawati bt Yusup Puan Yuslina bt Yusuf Puan Zuhailen bt Abdul Rashid Puan Faridah bt Abd. Hamid Puan Rusmahainiza bt. Rusli Puan Dahlia bt. Bujang Puan Khaliza bt Mohd Isa

Info 5S



KETERANGAN LOGO



1. Bulat berwarna yang dibahagikan kepada 5 bahagian mengandungi prinsip asas 5S iaitu SEIRI, SEITON, SEISO, SEIKETSU DAN SHITSUKE. Bertujuan membinakesedaran kepada warga kerja PTD Sepang agar membudayakan amalan 5S.



2. Bulat bermaksud semua kakitangan PTD Sepang bekerjasama dalam melaksanakan program 5S dan juga melambangkan kualiti, kepesatan, kesepahaman dan semangat PTD Sepang yang kuat dalam mengamalkan 5 prinsip 5S.



3. Kuning – Melambangkan usaha dalam membangkitkan suasana kerja yang harmoni dan ceria.



4. **5S Merah** – Melambangkan keberaniandan kekuatan yang boleh dikaitkan dengan kerjasama seluruh warga PTSD Sepang, ia juga melambangkan kekemasan dan keselamatan.



5. Hitam – Melambangkan karisma dan profesionalisme warga PTSD Sepang.



TAHNIAH

Kepada semua warga kerja Pejabat Daerah/Tanah Sepang Kerajaan Negeri Selangor, atas pencapaian

"Laman Web 4 Bintang"

LAMAN WEB RASMI KERAJAAN NEGERI SELANGOR
www.selangor.gov.my/sepang

dalam
Penilaian Laman Web Kerajaan Malaysia (MGPWA) 2013

SIRIM QAS INTERNATIONAL

SIJIL

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan ini mengesahkan bahawa

PEJABAT DAERAH / TANAH SEPANG
 BANGUNAN TUN AZIZ
 BANDAR BARU SALAK TINGGI
 43900 SEPANG
 SELANGOR DARUL EHSAN
 MALAYSIA

telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti yang memepati

ISO 9001 : 2008
 QUALITY MANAGEMENT SYSTEMS - Requirements

Skop Pensijilan

PEMBERIAN PERKHIDMATAN YANG MERANGKUMI:

- 1) PEMBANGUNAN FIZIKAL, PEMBANGUNAN MASYARAKAT, PEMBANGUNAN TANAH, PELUPUSAN TANAH, PENDAFTARAN TANAH, TEKNIKAL, PENGUATKUASAAN DAN HASIL;
- 2) PERKHIDMATAN SUKONGGAIAN SEPERTI PENTADBIRAN, SUMBER MANUSIA, KEWANGAN, PENGURUSAN MAJLIS DAN KESELAMATAN.

Tarikh dikeluarkan : 25 November 2013
 Tempoh sah : 25 Ogos 2011 - 24 Ogos 2014
 No. Pensijilan : AR 5494

Khalidah Mustafa
 Pengarah Urusan
 SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
 (Pia. Berhad) 45229-A
 1, Persiaran Duta, Petaling
 Selatan 2, No. 5, Jalan Duta,
 40000 Shah Alam
 Selangor Darul Ehsan,
 MALAYSIA
 Tel. No. 3-5244 4474
 Faksim. No. 3-5244 4474
 http://www.sirim-qas.com.my
 http://www.sirim-qas.com.my

IQNet
 THE INTERNATIONAL CERTIFICATION NETWORK

CERTIFICATE

IQNet and SIRIM QAS International hereby certify that

PEJABAT DAERAH / TANAH SEPANG
 BANGUNAN TUN AZIZ
 BANDAR BARU SALAK TINGGI
 43900 SEPANG
 SELANGOR DARUL EHSAN
 MALAYSIA

has implemented and maintains a

QUALITY MANAGEMENT SYSTEM

which fulfils the requirements of the following standard

ISO 9001 : 2008

for the following activities

PROVISION OF THE FOLLOWING SERVICES:

- 1) PHYSICAL AND COMMUNITY DEVELOPMENT, LAND DEVELOPMENT, LAND RELATED MATTERS, LAND REGISTRATION, TECHNICAL, ENFORCEMENT AND REVENUE;
- 2) SUPPORT SERVICES INCLUDING ADMINISTRATION, HUMAN RESOURCE, FINANCE, EVENT MANAGEMENT AND SECURITY.

Issued on : 25 November 2013
 Validity date : 24 August 2014
 Certification Number : MY-AR 5494

Michael Drochael
 President of IQNet

Khalidah Mustafa
 Managing Director
 SIRIM QAS International Sdn Bhd

IQNet Partners:
 ANSOR Spain ANSOR Certification France AIB-Vigo International Belgium ANCE Mexico APCOR Portugal CCC Cyprus
 CSQ Ando CQC China CQM China CCS Czech Republic CEN-Cert Canada DQS Holding GmbH Germany DSI Denmark
 PCVAY Brazil PONDOKBIMA Indonesia BCTEDEX Colombia DMSC Malawi IN NORMS Taiwan
 Sengen Certification Finland IRAM Argentina IQA Japan IQA Korea IRST Hungary Mott MacDonald AS Norway ISSAI Ireland
 PCBC Poland Quality Assets Assura BIR Russia SRI Japan SIZ Slovenia SIRIM QAS International Malaysia SCS Switzerland SRAC Romania
 TEST In Phoenicia Russia TSE Turkey VQSQ Serbia
 IQNet is represented in the USA by: APNOR Certification, CSQ, DQS Holding GmbH and NSAI Inc.
 * The list of IQNet partners is valid at the time of issue of this certificate. Updated information is available under www.iqnet-certification.com

PEJABAT DAERAH/TANAH SEPANG
 Bangunan Tun Aziz,
 Bandar Baru Salak Tinggi,
 43900 Sepang, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-87061211/87061212/87061213
 Fax: 03-87061731(Am)/87064612(Pentadbiran)/
 87062003 (Pembangunan)/87063262 (Tanah)
 Emel : sepang@selangor.gov.my
 Balai Penghulu : 03-87686234 (Dengkil)/
 03-87031004 (Labu)/0331411162 (Sepang)